

# MyAgeingTM

## pacu inovasi untuk warga tua

**Serdang:** Institut Gerantologi (IG) Universiti Putra Malaysia (UPM) dijenama semula sebagai Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeingTM), yang berperanan memacu inovasi bagi menangani cabaran usia tua dan penuaan dalam pelbagai dimensi.

Pengarah MyAgeingTM, Prof Dr Tengku Aizan Hamid, berkata penubuhan institut itu dijangka akan meningkatkan kesedaran dan kualiti hidup warga tua dengan membentuk persekitaran yang menyokong keperluan golongan itu.

### **Impak penuaan**

Katanya, antara aspek baharu yang akan dibangunkan ialah mengukuhkan potensi warga tua untuk tujuan pembangunan negara melalui strategi penuaan aktif dan produktif.

"MyAgeingTM akan mengenal pasti keperluan warga tua serta menangani impak penuaan termasuk menerusi pembangunan kemudahan fizikal mesra usia tua, guna tenaga terlatih dalam bidang geriatrik dan gerontologi serta pembangunan teknologi yang membantu golongan itu," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran MyAgeingTM, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli.

Prof Tengku Azizan berkata, hasil penyelidikan MyAgeingTM akan disalurkan kepada pihak kerajaan, industri dan komuniti untuk pembentukan polisi, program bagi meningkatkan pembangunan modal insan, penilaian impak program, advokasi dan inovasi produk serta perkhidmatan berkaitan penuaan.



Prof Mohd Fauzi (tiga dari kiri) bermesra dengan warga inovasi untuk MyAgeingTM, sambil diperhatikan Prof Tengku Aizan (dua dari kiri).